

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Sinar Harian (Segmen Maran)

Tarikh : 27 September 2012 (Khamis)

Mukasurat : P5

U-Pustaka mula tarik minat masyarakat

Sumber : Sinar Harian
(Khamis)
Tarikh : 27/9/2012
ms : P5 (Rpmn
Maran)

CHENOR - Projek perpustakaan 'ubiquitous' atau u-Pustaka yang menghubungkan beberapa buah perpustakaan seluruh negara dalam usaha untuk mengungkit sumber keilmuan tanpa sempadan masa dan lokasi, mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat termasuk di luar bandar.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP), Datuk Shahaniza Shamsuddin berkata, projek perintis yang mula diperkenalkan sejak 2008 melalui kolaborasi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) serta anggota Konsortium u-Pustaka itu mempunyai keahlian berdaftar lebih 200,000 orang.

Menurutnya, sejak November 2010 sehingga kini, lebih 20,000 pelawat melayari portal u-Pustaka dengan kira-kira 5,000 pelawat dari negeri ini dan pelawat turut mengikuti sesi web seminar yang diadakan secara langsung.

"Ini menunjukkan bukan sedikit minat yang ditunjukkan oleh masyarakat kita terhadap projek ini.

"u-Pustaka mencantumkan jalur lebar dengan teknologi portal iaitu Portal u-Pustaka



Murid dan ibu bapa hadir menjayakan program galakan membaca itu di Dewan Orang Ramai Seberang Chenor.

serta teknologi RFID kepada sistem pengurusan perpustakaan yang dihubungkan dengan kandungan sumber ilmu pengetahuan menerusi Katalog Induk Kebangsaan.

"Seterusnya rakyat dapat menikmati perkhidmatan penyampaian buku ke rumah menerusi perkhidmatan PosLaju serta pembayaran dilaksanakan tanpa tunai menerusi talian atau Touch 'n Go serta Quik2Go," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Majlis Galakan Membaca Zon 3 Pahang, di sini.

Shahaniza berkata, pelawat juga dapat mengikuti sesi perkongsian pengetahuan secara siaran langsung dengan pakar dan penceramah yang mahir dalam pelbagai bidang.